

DATE: 08/04/2008

Najib hargai kepercayaan PM

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 7 April - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menghargai kepercayaan dan keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menamakan beliau sebagai penggantinya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri dan terharu kerana pengumuman mengenai perkara itu dibuat secara terbuka.

"Semalam ialah kali pertama Perdana Menteri menahirkan secara terbuka dan saya amat menghargai keyakinan beliau yang sebelum ini dizahirkan secara tertutup kepada saya dan beberapa anggota kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Ulang Tahun Persidangan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) Ke-30 di sini hari ini.

Semalam, Abdullah sekali lagi menjelaskan beliau tidak ada masalah dengan Najib yang dilihat sebagai penggantinya.

Perdana Menteri memberitahu, Najib tidak seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melihat dirinya sebagai pemimpin alternatif kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Kenyataan terbuka Abdullah itu dibuat di hadapan lebih 1,000 ahli UMNO yang memenuhi Dewan Tun Hussein Onn bagi mendengar amanat Presiden parti itu yang disampaikan kira-kira dua jam.

Najib memberitahu, beliau mengambil kira permintaan Abdullah yang mahu beliau terus memberikan kerjasama demi memantapkan pentadbiran kerajaan.

Katanya, kerjasama itu juga bagi meng-

hadapi cabaran masa kini dan melakukan pembaharuan yang Perdana Menteri harap dapat dilaksanakan.

Mengenai penghantaran Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) untuk berkhidmat dengan kerabat diraja British bagi melaksanakan 'Tugas Awam London', beliau berkata, ia satu pengiktirafan kepada pasukan yang telah berusia 75 tahun itu.

Jelasnya, tawaran kepada batalion itu yang dibuat hasil lawatan panglima mereka iaitu Ketua Turus Umum United Kingdom Sir Richard Dannat membuktikan kewibawaan RAMD diiktiraf.

"Richard telah melakukan kunjungan hormat ke Malaysia baru-baru ini dan beliau melihat kemampuan kita, jadi beliau mencadangkan kita diberi penghormatan," katanya.

Sebanyak 122 anggota RAMD daripada Pasukan Istiadat dipilih menjalankan tugas itu dan Malaysia adalah negara anggota Komanwel keempat, selepas Kanada, Australia dan Jamaica, yang diberi penghormatan melaksanakan tugas itu.

Antara tugas yang menanti pasukan itu ialah mengawal Istana Buckingham.

Mengulas sama ada Malaysia akan menerima Presiden Zimbabwe Robert Mugabe sekiranya beliau memohon suaka politik di negara ini, Najib berkata, sehingga kini belum ada sebarang permohonan mahupun petunjuk jelas Mugabe akan berbuat demikian.

UM - 8/4/2008

Semalam ialah kali pertama Perdana Menteri menahirkan secara terbuka dan saya amat menghargai keyakinan beliau yang sebelum ini dizahirkan secara tertutup kepada saya dan beberapa anggota kerajaan

NAJIB TUN
RAZAK
Timbalan
Perdana
Menteri



NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan peserta selepas merasmikan Majlis Ulang Tahun Ke-30 Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, semalam.